

Ekstremisme jejas hubungan dua hala

NEGARA Islam dan Barat bertanggungjawab memainkan peranan masing-masing dalam memastikan jurang hubungan antara kedua-dua negara berkenaan dapat dihapuskan.

Bekas Perdana Menteri Pakistan, Shaukat Aziz, berkata perkara pertama yang perlu dilaksanakan ialah menghapuskan sebarang anasir negatif yang melanda dunia Islam, laporan tidak tepat media asing terutama membabitkan keganasan dan kegiatan ekstremis.

Katanya, kegiatan ekstremis tidak hanya berlaku dalam dunia Islam,

sebaliknya ia turut membabitkan masyarakat bukan Islam.

"Ekstremisme wujud dalam mana-mana masyarakat kerana berlakunya penafian terhadap sebarang bentuk hak kepada negara terbabit termasuk hak asasi manusia, pendapatan dan penyelesaian konflik.

"Selain itu, perhatian dan layanan yang diberikan kepada masyarakat Islam juga berbeza dengan layanan kepada mereka yang bukan Islam, contohnya ketika di lapangan terbang, masyarakat Islam terpaksa menjalani pemeriksaan keselamatan yang ketat dan ini memberi imej ne-

gatif dan menghina mereka," katanya pada Sidang Pleno sempena Persidangan Antarabangsa Ketiga Dunia Islam dan Barat: 'Merapatkan Jurang' di sini, semalam.

Turut menyertai sidang pleno itu ialah Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (QIC), Ekmeleddin Ihsanoglu; Pengerusi Lembaga Pengarah Pusat Kajian Islam Raja Faisal, Putera Turki Al-Faisal; Timbalan Speaker Dewan Rakyat Perancis, Jean Marie Le Guen; ahli Dewan Rakyat Palestin, Dr Sahar Al-Quassma; Setiausaha Parlimen Hubungan Antara Budaya Australia, Laurie Fer-

guson dan Duta Khas Sepanyol bagi Hubungan Dunia Islam, Jose Maria Ferre de La Pena.

Shaukat berkata, antara langkah lain perludiambilmerapatkanjurang dunia Islam dan Barat ialah menghentikan penghasilan karya seni termasuklah kartun dan filem membekalkan imej tertentu kepada mana-mana agama atau pemimpin agama.

Beliau berkata, masyarakat Islam dan Barat juga perlu lebih terbuka dalam membincangkan pelbagai perkara bagi memastikan tidak timbul sebarang salah faham mahu pun rasa tidak senang di antara satu sama lain.